



Dasar Privasi Perekrutan

Sollers Consulting Sdn Bhd

Sollers Consulting

07.09.2023

Sollers Consulting Sdn Bhd  
Dasar Privasi Perekrutan

## 1. Pengenalan

Di Sollers Consulting, kami amat berkomitmen untuk melindungi data peribadi dan memastikan semua pihak dimaklumkan dengan cara yang terbuka dan telus. Dengan membaca Dasar Privasi ini, anda akan memahami butiran mengenai pengumpulan dan penggunaan data peribadi anda serta hak-hak individu anda. Untuk tujuan Dasar Privasi ini, terma-terma “data peribadi”, “pengguna data” dan “pemprosesan” mempunyai maksud yang sama seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“APDP”).

Dasar Privasi ini bertujuan untuk maklumkan anda bahawa data peribadi anda sedang diproses oleh kami atau bagi pihak kami dan anda bersetuju kepada pemprosesan data peribadi anda mengikut Dasar Privasi ini.

Apakah data peribadi yang kami akan kumpulkan:

Sollers Consulting mungkin mengumpul pelbagai data peribadi daripada anda dari semasa ke semasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

1. nama (nama-nama) dan nama keluarga
2. tarikh lahir
3. maklumat hubungan termasuk nombor hubungan dan alamat e-mel
4. pendidikan
5. kelayakan pekerjaan
6. rekod pekerjaan
7. nombor Kad Pengenalan
8. maklumat dalam CV anda
9. Imej dan rakaman CCTV
10. hasil semakan latar belakang (jika ada)
11. data peribadi lain yang dihantarkan atau dikemukakan oleh anda kepada kami dari semasa ke semasa.

## 2. Data peribadi wajib

Anda wajib memberikan kami data peribadi anda seperti yang dinyatakan sebagai wajib dalam borang kami (secara kolektif, "data peribadi wajib"). Keengganan untuk memberikan kami data peribadi anda akan mengakibatkan permohonan anda untuk pekerjaan potensi ditolak atau kami tidak dapat memberi anda pekerjaan.

Selain daripada data peribadi wajib yang dinyatakan di atas, anda tidak diwajibkan untuk memberikan kami sebarang data peribadi tambahan dan persetujuan anda adalah secara sukarela. Jika anda tidak ingin memberikan persetujuan kepada peribadi data tambahan anda, sila jangan masukkan dalam CV yang anda muat naik.

### **3. Maksud-maksud pemrosesan**

Data peribadi yang anda berikan dalam borang permohonan, CV anda dan sebarang dokumen lain yang anda pilih untuk berkongsi dengan kami akan digunakan untuk menilai profil calon anda, kemahiran anda dan sama ada anda sesuai untuk jawatan yang anda memohonkan, untuk menghantar surat berita berkaitan dengan perekrutan dan tawaran pekerjaan yang sepadan dengan profil anda, untuk berkomunikasi dengan anda, menangani pertanyaan anda dan menguatkuasakan hak-hak kami, untuk mendapatkan nasihat profesional, untuk pematuhan undang-undang yang terpakai, untuk menjalankan pemeriksaan saringan pra-pekerjaan dan semakan latar belakang, untuk menguruskan laman web kerjaya kami (termasuk menjalankan analisis statistik), untuk maksud-maksud pentadbiran dan maksud-maksud lain yang berkaitan dengan prosedur perekrutandan permohonan kerja anda.

### **4. Sumber data**

Data peribadi anda yang sedang atau akan dikumpul daripada borang permohonan, orang rujukan anda, CV, majikan bekas, agensi perekrutan, rakaman CCTV, daripada komunikasi lisan atau bertulis, maklumat yang diperolehi dari sesi temuduga kerja anda dengan kami, semua borang berkaitan dengan pekerjaan lain dan semua maklumat lain yang mungkin anda berikan kepada kami dari semasa ke semasa.

### **5. Penyimpanan data**

Jika anda menerima tawaran pekerjaan kami, sebarang data peribadi berkaitan yang dikumpul semasa tempoh perekrutan anda akan menjadi sebahagian daripada rekod kakitangan anda dan akan disimpan mengikut undang-undang yang sah.

Jika kami tidak menjadi majikan anda, kami hanya akan menyimpan data anda untuk tempoh yang kami, dengan suci hati, percaya bahawa kami dikehendaki oleh undang-undang untuk menyimpannya. (contohnya, berkaitan dengan sebarang litigasi yang dijangkakan).

Jika anda memilih untuk menyertai program perekrutan, atau salah satu acara berkaitan dengan perekrutan kami, kami mungkin menyimpan data peribadi anda untuk mempertimbangkan anda untuk peluang pekerjaan pada masa hadapan jika anda memberi kami persetujuan secara khusus dan berasingan untuk tujuan tersebut.

Kami menjalankan latihan pengsingkiran dan pengemaskinian data secara kerap untuk memastikan maklumat yang kami ada adalah relevan, tepat dan kami tidak menyimpan data anda tanpa mempunyai sebab yang sah untuk berbuat demikian.

### **6. Keselamatan dan Perkongsian Data Peribadi**

Kami mungkin menzahirkan data peribadi yang anda pilih untuk berkongsi dengan kami, kepada yang berikut (yang mungkin berada di dalam atau di luar Malaysia):

1. Bahagian perekrutan di syarikat-syarikat milik Sollers Holding Capital Group (sila lihat Lampiran Nr 1 kepadanya),
2. Pengurus Sumber Manusia di syarikat-syarikat milik Sollers Holding Capital Group (sila lihat Lampiran Nr 1 kepadanya),
3. Perekrut yang mana pekerja atau kontraktor di syarikat-syarikat milik Sollers Holding Capital Group (sila lihat Lampiran No. 1 kepadanya),
4. *Bahagian "People and Payroll"* di syarikat-syarikat milik Sollers Holding Capital Group (sila lihat Lampiran No. 1 kepadanya),
5. Bahagian Pengurusan Sistem IT di syarikat-syarikat milik Sollers Holding Capital Group (sila lihat Lampiran No. 1 kepadanya),
6. Sub-kontraktor (termasuk *headhunters* dan agensi perekrutan) di syarikat-syarikat milik Sollers Holding Capital Group (sila lihat Lampiran No. 1 kepadanya) yang kami bekerjasama,
7. Rakan kongsi perniagaan, pembekal perkhidmatan termasuk tetapi tidak terhad kepada pembekal perkhidmatan pusat data dan pembekal perkhidmatan awan di syarikat-syarikat milik Sollers Holding Capital Group (sila lihat Lampiran No. 1 kepadanya) yang kami bekerjasama,
8. Penasihat profesional berdasarkan "keperluan untuk mengetahui" di syarikat-syarikat milik Sollers Holding Capital Group (sila lihat Lampiran Nr 1 kepadanya),
9. Pihak ketiga seperti yang dikehendaki oleh undang-undang. Terdapat kemungkinan bahawa kita perlu berkongsi data peribadi dengan cthnya badan penguatkuasa undang-undang atau agensi kerajaan untuk mematuhi undang-undang yang terpakai.
10. Coderbyte Enterprise Inc, 434 Washington Street, Carlstadt, NJ 07072, Amerika Syarikat - jika anda memohon jawatan berkaitan IT, anda dikehendaki mengambil ujian. Keputusan anda akan diproses oleh Coderbyte.
11. Pihak ketiga seperti yang diminta atau dibenarkan oleh anda.

Kami mempunyai rangka kerja prosedur dan latihan yang bertujuan untuk memastikan data peribadi anda adalah selamat dan memastikan keselamatan dan kerahsiaan. Rangka kerja prosedur dan latihan ini disemak secara kerap untuk menilai kesesuaian langkah yang kami sediakan untuk memastikan data yang disimpan oleh kami adalah selamat.

Kami hanya berkongsi data peribadi dengan orang lain apabila kami dibenarkan secara sah untuk berbuat demikian, menetapkan mekanisme keselamatan dan kontrak untuk mematuhi standard dan dasar kami yang berkaitan dengan keselamatan, kerahsiaan dan perlindungan data.

## **7. Melaksanakan hak-hak individu**

Sila rujuk bahagian seterusnya untuk senarai hak-hak yang anda miliki mengenai data peribadi anda.

Anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada data peribadi anda yang disimpan oleh kami sebagai pengguna data, tertakluk kepada peruntukan APDP. Jika anda ingin melaksanakannya dan bertanya kepada kami apa data peribadi yang kami sedang proses, hantarkan e-mel kepada kami di [data.protection@sollers.eu](mailto:data.protection@sollers.eu). Kami akan membalas permintaan anda secepat mungkin, dalam had masa yang dikehendaki oleh undang-undang.

Pembetulan data peribadi

Anda mempunyai hak untuk meminta pembetulan data peribadi anda, tertakluk kepada peruntukan APDP. Jika anda ingin menggunakan hak ini untuk mengemas kini data peribadi yang kami proses, sila hantarkan e-mel kepada kami di [data.protection@sollers.eu](mailto:data.protection@sollers.eu).

Anda boleh memutuskan untuk tidak memberikan kami data peribadi anda, tetapi dalam kes ini permohonan anda perlu dikecualikan daripada proses perekrutan. Perkara yang sama akan berlaku sekiranya anda memutuskan untuk membetulkan atau memadam data anda semasa proses perekrutan.

Mengehadkan pemprosesan data peribadi dan menarik balik persetujuan

Anda mempunyai hak untuk mengehadkan pemprosesan data peribadi anda dan/atau menarik balik persetujuan anda yang telah diberikan kepada kami (sepenuhnya atau sebahagiannya) untuk pemprosesan data peribadi anda, pada bila-bila masa tertakluk kepada sebarang sekatan undang-undang yang berkenaan. Untuk mengehadkan pemprosesan data peribadi anda dan/atau menarik balik persetujuan pemprosesan data peribadi anda yang telah anda berikan sebelum ini, sila hantarkan e-mel kepada kami di [data.protection@sollers.eu](mailto:data.protection@sollers.eu) atau, untuk berhenti menerima e-mel daripada senarai pemasaran Sollers, sila klik pada pautan nyahlanggan dalam e-mel yang diterima daripada kami.

Jika anda mengehadkan pemprosesan atau menarik balik persetujuan anda kepada apa-apa atau semua penggunaan data peribadi anda, kami mungkin tidak berada dalam kedudukan untuk terus mentadbir sebarang pengatur atau perhubungan kontrak, yang seterusnya boleh menyebabkan kami tidak dapat (teruskan untuk) memproses data peribadi anda untuk mana-mana maksud yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini.

## 8. Pertanyaan atau Aduan

Jika anda ingin menghubungi kami untuk sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan dengan penggunaan data peribadi anda, sila hubungi kami melalui kaedah di bawah:

Orang yang boleh dihubungi: Kamil Paziewski

Nombor Telefon: +60 11 1534 0399

Jawatan: Pegawai Pematuhan, Bahagian Perlindungan Data Peribadi yang meyakong syarikat-syarikat milik Sollers Capital Group

E-mail: [data.protection@sollers.eu](mailto:data.protection@sollers.eu).

Kami akan membalas secepat mungkin.

Anda juga mempunyai hak untuk membuat aduan kepada Jabatan Perlindungan Data Peribadi, sila ambil perhatian bahawa ini adalah badan yang sesuai untuk semua syarikat dalam Sollers Holding Capital Group

Sollers Consulting 2023, All rights reserved, Confidential.



(komunikasi melalui alamat e-mel seperti di atas).

## **9. Pemindahan data peribadi ke tempat di luar Malaysia**

Kami mungkin memindahkan data peribadi anda ke tempat di luar Malaysia dan anda dengan ini bersetuju dengan pemindahan tersebut.

## **10. Bahasa**

Dasar Privasi ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Dasar Privasi ini, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi versi Bahasa Malaysia.

Kenyataan privasi ini dikemas kini kali terakhir pada 7 September 2023.